

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan
DARIPADA : Datuk Jumat bin Idris [Sepanggar]
TARIKH : 13 November 2014
SOALAN : Datuk Jumat bin Idris minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah usaha Kementerian melalui Lembaga Perikanan Malaysia (LKIM) untuk membantu nelayan pantai di daerah Kota Kinabalu khususnya untuk membina jeti pendaratan ikan di Sepanggar.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah membina 3 buah jeti pendaratan ikan di Sepanggar, Sabah iaitu di Kampung Numbak dan Kampung Unggun melibatkan peruntukan berjumlah RM276,800. Dianggarkan seramai 370 orang nelayan telah menerima faedah hasil daripada pembinaan jeti-jeti tersebut. Pembinaan jeti ini telah membantu memusatkan pendaratan ikan di kawasan Sepanggar serta meningkatkan kualiti ikan.

NO. SOALAN: 16
.....

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]

TARIKH : 13 NOVEMBER 2014 (KHAMIS)

SOALAN :

Tuan Oscar Ling Chai Yew [SibU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Malaysia merupakan negara Islam atau Islamic state, melihat kita mempunyai agama persekutuan dan berdasarkan kesultanan Melayu beragama Islam.

JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN **PERDANA MENTERI**)

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan jelas menyatakan **agama Islam adalah agama bagi Persekutuan**, tetapi agama-agama lain boleh

diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan. Kedudukan ini diperkukuhkan lagi dengan adanya peruntukan-peruntukan lain yang menjaminnya, antara lain—

- (a) Fasal (4) Perkara 11 [berkenaan dengan penyekatan pengembangan apa-apa doktrin atau kepercayaan agama di kalangan penganut agama Islam oleh undang-undang Negeri atau Persekutuan];
- (b) Fasal (2) Perkara 12 [tentang hak berkenaan dengan pendidikan, di mana sah bagi Persekutuan atau sesuatu Negeri menubuhkan atau menyenggarakan atau membantu dalam menubuhkan atau menyenggarakan institusi Islam atau mengadakan atau membantu dalam mengadakan ajaran dalam agama Islam dan melakukan apa-apa perbelanjaan yang perlu];
- (c) Fasal (1A) Perkara 121 [bahawa Mahkamah sivil tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan apa-apa perkara dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah];
- (d) butiran 1 Senarai Negeri Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan [yang antaranya termasuk hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam dan mengawal pengembangan doktrin dan kepercayaan di kalangan orang yang menganut agama Islam]; dan

- (e) ikrar Yang di-Pertuan Agong dalam Jadual Keempat untuk memelihara agama Islam pada setiap masa.

Disamping itu, Undang-undang tubuh negeri-negeri turut memperuntukkan bahawa Islam adalah agama bagi negeri. Sebagai contoh, Perkara 47 Undang-Undang Tubuh Negeri Selangor 1959 yang memperuntukkan seperti berikut :

“The religion of the State shall be the Muslim religion as heretofore professed and practised in the State : Provided that all other religions may be practised in peace and harmony by the persons professing them in any part of the State.”

Selain itu, fakta sejarah juga menunjukkan bahawa Malaysia telah ditubuhkan berasaskan Kerajaan Islam Kesultanan Melayu dan Raja-Raja Melayu merupakan Ketua Agama Islam bagi negeri masing-masing.

Pada masa yang sama, pendapat ulama (sarjana) Islam juga dirujuk dan mentakrifkan Negara Islam (Darul Islam) ialah negara yang berada di bawah kuasa pemerintahan Islam, dalam makna kekuatan dan pertahanannya berada di tangan Islam. Negara seperti ini wajib dipertahankan oleh setiap muslim. Imam-imam mazhab yang empat, juga mentakrifkan negara atau bumi yang berada di bawah kekuasaan umat Islam dan kedaulatan mereka, dimana umat Islam dapat mengamalkan Islam secara terbuka dan mampu

mempertahankan diri daripada serangan musuh sama ada kemasukan tersebut berlaku melalui peperangan, dengan cara damai atau sebagainya.

Oleh yang demikian, berdasarkan peruntukan undang-undang, latar belakang sejarah dan pandangan ulama (sarjana) Islam, maka semua pihak harus menerima kedudukan Malaysia sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan Pertsekutuan.

Sekian, terima kasih.